# Racumin® Wax Block

BAYER

## RACUN TIKUS

UMPAN (RB)

**UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA.**

**Perawis Aktif: coumatetralyl.....0.0375% w/w**
**Perawis Lengai:........................99.9625% w/w**

**No. Pendaftaran: LRMP. R1/9435**

Kandungan Bersih: 20 kg (4 beg x 5 kg)

Batch No.:

Tarikh Mengilang:
(YYYY/MM/DD)

Tarikh Luput:
(YYYY/MM/DD)

Didaftarkan oleh:
**Bayer Co. (Malaysia) Sdn Bhd (7563 M)**
B-19-1 & B-19-2, The Ascent Paradigm,
No. 1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Tel.: 03-7801 3088

Jika berlaku **KERACUNAN,** sila hubungi **TALIAN KECEMASAN:** 999

**BACA LABEL SEBELUM GUNA**

Tikus



**Racumin Wax Block** ialah sejenis racun tikus yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan 'hydroxycoumarin' yang bertindak secara anti-penggumpalan darah.

**ATURAN PENGGUNAAN: Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.**

| KAWASAN | PEROSAK | CARA PENGGUNAAN |
|---|---|---|
| Kawasan Penternakan, Rumah Penyembelihan, Zoo, Pasar, Gudang, Depo Barangan, Tempat Pembuangan Sampah, Longkang, Kawasan Pembetungan dan Pelabuhan | Tikus Norway *(Rattus norvegicus)* Tikus Hitam *(Rattus rattus diardii)* Mencit Rumah *(Mus musculus)* | Letak 5-10 ketul umpan di setiap stesen umpan. Letak stesen umpan berdekatan dengan lubang tikus dan juga sekitar perjalanan lazim yang digunakan oleh tikus (sekeliling perimeter bangunan dan juga kawasan yang terjumpa kesan aktiviti tikus seperti tapak kaki, najis dan kencing) |
| Sawit | Tikus Belukar *(Rattus tiomanicus)* | Letak satu ketul umpan di pangkal setiap pokok kelapa sawit apabila banci bulanan menunjukkan kerosakan pada tandan buah melebihi 5%. Gantikan setiap umpan yang dimakan setiap minggu sehingga bilangan umpan yang diganti menurun ke paras 20% |
| Koko | | Letakkan satu ketul umpan di pangkal pokok yang kelima dan gantikan setiap umpan yang dimakan sekali seminggu sehingga bilangan yang diganti menurun ke paras 20% |
| Sawah Padi | Tikus Sawah *(Rattus argentiventer)* | Letak satu ketul umpan setiap 10 hingga 15 m di atas batas dan di hadapan lubang tikus, sebelum menabur biji benih atau sebelum mengubah. Pengumpanan berikutnya dilakukan dua minggu selepas menabur atau menanam dan gantikan umpan yang dimakan setiap minggu sehingga bilangan umpan yang diganti menurun ke paras 20% |

**AWAS:** a) Bahaya Kepada Manusia: Berbahaya jika termakan. Elakkan daripada terhidu debu. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Pastikan cuci tangan sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak. **JANGAN** mengumpan racun ini di tempat yang senang dicapai oleh kanak-kanak dan haiwan ternakan dan peliharaan.
Pakaian dan Alat Perlindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan mengikut kesesuaian (Rujuk Risalah Data Keselamatan).
b) Bahaya Pada Alam Sekitar: Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

**TANDA KERACUNAN:** Lemah, hilang selera makan, pening, mual dan cirit-birit. Pendarahan pada kulit, gusi atau hidung. Air kencing dan najis berdarah.

**RAWATAN KECEMASAN:** Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, basuh dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA.**
**JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

MY84464287F

Bayer

JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK

**KELAS IV**

KEEP AWAY FROM FOODSTUFF AND CHILDREN

JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK

勿貯藏在靠近食品或
兒童所接觸的地方

உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு
அருகில் வைக்காதீர்

Restricted to COMPESTI SDN [illegible] only